



قلست بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 30 BILANGAN 5

RABU 30 JANUARI, 1985.

رابو 8 جمادي الاول 1405

PERCUMA

Brunei kecam pencabulan Vietnam ke atas wilayah Thai

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara Brunei Darussalam telah melahirkan kebimbangannya terhadap kegiatan-kegiatan terbaharu tentera Vietnam di sepanjang sempadan Thai-Kampuchea.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam berkata tindakan-tindakan tentera Vietnam yang semakin diperhebatkan terhadap golongan-golongan bukan komunis dalam



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ketika menerima mengadap Kuasa Usaha Denmark, Tuan Hans Jakup Petur Kristian.

Kuasa Usaha Denmark sembah Surat Lantikan

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Kuasa Usaha Tetap Denmark ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Hans Jakup Petur Kristian Kass pada hari Khamis lepas

di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di sini.

Tuan Hans Jakup Kass telah menyebarkan surat lantikannya sebagai Kuasa Usaha Tetap Denmark ke negara ini yang beribu pejabat di Singapura kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah.

Di samping menjadi Kuasa Usaha Tetap Denmark ke negara ini beliau juga menjadi Penasihat Kementerian di Kedutaan Denmark di Singapura yang bermula tahun lepas. Sebelum itu beliau pernah menjadi Setiausaha di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Denmark selama dua tahun. Dari tahun 1969 hingga 1977 menjadi Kuasa Usaha di Kedutaan Denmark di Bangkok dan seterusnya pada tahun 1979 hingga 1984 menjadi Kuasa Usaha di Kedutaan Denmark di Jakarta.

Semasa berada di sini selama empat hari, Tuan Hans telah membuat beberapa perjumpaan dengan Pertubuhan Perdagangan Melayu dan Pertubuhan Perdagangan China di samping melawat ke Kementerian Pembangunan dan Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Menteri Pelajaran dan Kesihatan lawat Temburong

TEMBURONG. — Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz telah mengadakan lawatan sambil meninjau ke dua buah projek kerajaan di Daerah Temburong pada hari Sabtu lepas.

Dalam kunjungan ke daerah tersebut, Yang Dimuliakan Menteri Pelajaran dan Kesihatan telah dibawa meninjau perkembangan projek sebuah sekolah menengah baru yang sedang dalam peringkat akhir pembinaannya.

Projek yang menelan belanja \$12.8 juta itu dibina di atas tapak seluas 35.1 ekar.

Bangunan sekolah yang baru ini akan dapat menampung lebih 1,000 orang penuntut.

Selepas itu YDM Menteri Pelajaran dan Kesihatan melawat rumah sakit yang

Lihat muka 20

Menaikkan bayaran sekolah hendaklah dapat kebenaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Adalah dengan ini diumumkan kepada semua Pengetua, Guru-guru Besar, Penyelia Sekolah-sekolah Misi, China dan Persendirian bahawa mulai 1 Januari 1985, mereka tidak dibenarkan untuk menaikkan bayaran persekolahan (School Fees), tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Pegawai Kebajikan hadir kursus di K.L.

BERAKAS. — Tiga orang pegawai dari Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan telah berlepas ke Kuala Lumpur pada hari Rabu lepas bagi mengikuti kursus penempatan selama dua bulan di Kementerian Masyarakat Malaysia.

Mereka ialah Pengiran Marali bin Pg Haji Bostamam, Dyg. Masni bte Awang Besar dan Awang Adanan bin Haji Abd Latif.

Semasa menjalani kursus, mereka antara lain akan mengikuti taklimat-taklimat mengenai dengan pengendalian rumah-rumah kebajikan di Malaysia dan taklimat mengenai Bahagian Perkhidmatan Pemulihan Akhlak di Johor dan Melaka.

Di samping itu mereka juga akan mengikuti kursus berhubung dengan pentadbiran rawatan dan pemulihan dadah bagi kanak-kanak nakal dan belia-belia serta pemulihan akhlak bagi wanita dan gadis.

MANISNYA IMAN

"DAN hendaklah luruskan mukamu — tujuanmu — kepada agama yang benar, dan janganlah engkau termasuk dari golongan orang-orang yang mempersekutukan Allah (Musyrikin) — Makna ayat 105, Surah Yunus.

Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea sejak serang musim kemarau bermula dalam bulan November 1984, adalah merupakan satu bukti jelas tentang taktik Vietnam untuk menyelesaikan masalah Kampuchea dengan menggunakan tindakan ketenteraan.

Brunei Darussalam merasa sangat bimbang kerana tindakan tersebut telah mengorbankan ramai orang yang tidak berdosa, menyebabkan kemusnahan besar harta benda dan berpuluh-puluh ribu orang malarikan diri ke Negeri Thai.

Mesyuarat Agung SKPN 17 Feb.

BERAKAS. — Semua ahli-ahli Syarikat Kerjasama Pengangkutan Nasional dengan Tanggungan Berhad adalah diminta hadir ke Mesyuarat Agung tergempar syarikat tersebut yang akan diadakan pada jam 9.00 pagi, hari Ahad 17 Februari depan di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanah Bolkiah di sini.

Setiausaha Syarikat, Pengiran Haji Abas bin Pengiran Haji Besar berkata, mesyuarat tersebut adalah di atas keputusan Jawatankuasa Tertinggi syarikat bagi memperbaiki perjalanan syarikat itu dan melantik ahli-ahli baru.

Dalam percubaan-percubaan mereka untuk menghapuskan pasukan-pasukan pejuang Kampuchea, pasukan-pasukan Vietnam dengan senghaja telah mencerooboh masuk ke dalam wilayah Thai. Tindakan tersebut adalah mencabuli keutuhan wilayah dan kedaulatan kebangsaan Negeri Thai. Oleh yang demikian ianya adalah mengancam keamanan dan keselamatan Negeri Thai. Negeri Thai juga terpaksa memikul beban menamatkan serta menjamin keselamatan orang-orang pelarian Kampuchea yang terpaksa lari ke Negeri Thai untuk mendapatkan perlindungan.

Melalui pencerobohan-pencerobohan itu Vietnam dengan senghaja telah melanggar keputusan-keputusan Bangsa-Bangsa Bersatu dan melemahkan usaha-usaha yang dilancarkan oleh ASEAN dan lain-lain negeri yang berkenaan untuk mencari satu penyelesaian aman bagi masalah Kampuchea.

Negara Brunei Darussalam mengutuk pencabulan terhadap wilayah Thai yang dilakukan berulang kali dan menyeru Vietnam supaya mengindahkan hasrat masyarakat antarabangsa bagi penyelesaian politik yang awal dan comprehensif terhadap masalah Kampuchea.



Pelita Brunei
BERSAMA SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI

30 JANUARI, 1985

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

NEGARA KITA TIDAK MENGAMALKAN KONSEP BERBILANG- BILANG BANGSA, BUDAYA DAN UGAMA

KITA telah mencapai semula kemerdekaan. Perjuangan atau apa jua ikhtiar untuk kembali semula merdeka itu tidaklah setakat untuk kembali menguasai kedaulatan politik sepenuhnya bahkan serentak dengan itu kita memastikan tidak akan kehilangan teras kedaulatan politik itu sendiri.

Di zaman ini kedudukan dan corak tersebut telah diperkukuhkan dengan peruntukan undang-undang bertulis dan juga Perlembagaan dalam perkara-perkara Kuasa Memerintah; dalam perkara Menaiki Takhta; dalam perkara Perdana Menteri mestilah seorang Melayu Brunei yang beragama Islam; dalam perkara Bahasa Melayu menjadi Bahasa Rasmi; dan dalam perkara Taraf Kebangsaan yang menetapkan ketulenan kepada bangsa Melayu yang terdiri daripada tujuh puak asal negara ini.

Kedudukan sosio-politik sehingga ini adalah jelas bahawa sungguhpun terdapat berbagai-bagai bangsa yang mengamalkan berbagai-bagai agama dan kebudayaan tetapi dalam amalan rasmi negara kita Brunei bukanlah negara multi-racial, multi-religious dan multi-culture. Konsep multi-racial, multi-religious dan multi-culture tidak relevan dengan Brunei yang turun-temurun sudah merupakan Negara Melayu Islam Beraja di mana sifat, corak, unsur dan pengaruh yang dominan adalah keBruneian yang kuat dipengaruhi oleh ajaran Islam dan adat-istiadat Melayu (Diraja).

Segala unsur dan pengaruh yang dominan itu selayaknya akan kekal menjadi faktor yang dominan ke atas negara ini dalam apa jua keadaan dan peringkat perkembangannya. Itulah yang menjadi sebahagian cabaran dalam memelihara kedaulatan negara ini.

Dasar kerajaan dalam perkara-perkara utama mengenai ciri kenegaraan sudah jelas. Umpamanya

Demikianlah pencapaian semula kemerdekaan setahun yang lalu telah mengekalkan kedudukan Brunei Darussalam yang turun-temurun sebagai negara Melayu yang terbentuk dengan unsur serta pengaruh agama Islam dan berkerajaan secara pemerintahan beraja oleh sultan-sultan Melayu yang beragama Islam. Ini telah diungkapkan dalam Pemasyhuran Kemerdekaan dengan sebutan 'negara Melayu Islam Beraja'. Dengan itu Brunei Darussalam bukanlah negara yang mengamalkan konsep berbilang-bilang bangsa, budaya dan agama.

Dilihat dari sudut cita-cita nasional maka mengekalkan Brunei sebagai negara Melayu Islam Beraja itu adalah sangat penting. Ia telah diambil kira untuk menentukan corak sebenar kedaulatan kita. Syukurilah perkiraan itu dapat dibuat dengan bijaksana dan dapat dicapai tujuannya dalam suasana harmoni.

Sekarang kita berusaha menonjolkan apa yang telah dapat kita kekalkan itu. Kita menyebut dengan lantang bahawa dengan izin Allah Brunei Darussalam akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja. Penonjolannya dengan penuh tanggungjawab selepas merdeka tidak ber-

maksud yang lain daripada apa yang patut dan lazim bagi sesuatu bangsa dalam memberi makna kemerdekaan. Dan tidak perlu ada kecurigaan sebab konsep negara Melayu Islam Beraja itu telah turun-temurun mendatangkan kebajikan kepada rakyat dan penduduk dari semua latar belakang keturunan. Tambahan kepada itu kita telah memasyhurkan kemerdekaan dengan tekad akan sentiasa berusaha pada memperoleh ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat. Tekad tersebut menjadi sebahagian matlamat negara yang kita mempunyai komitmen bersama mencapainya.

Tidak ada apa-apa yang baharu dalam konsep negara Melayu Islam Beraja itu. Apa yang baharu ialah usaha memperjelasnya dengan mengentengkan kedudukan dan kenyataan (reality) sosio-politik negara kita secara berterus-terang supaya difahami, diterima dan dihormati. Ia adalah ciri utama dalam menentukan norma serta amalan yang dengannya kita mengenal diri sendiri dan dikenali oleh orang lain.

Dalam berterus-terang mengentengkan kedudukan dan kenyataan sosio-politik itu terdapat fakta-fakta yang dikemukakan seolah-olah

perkara baharu padahal ia telah lama diperuntukkan dalam undang-undang bertulis dan dalam Perlembagaan serta menerusi dasar-dasar yang telah pernah dinyatakan kepada umum. Kesemua fakta itu menegaskan dan memperkuat bahawa Brunei adalah negara Melayu Islam Beraja — yang dalam makna itu ia bukanlah negara yang mengamalkan konsep berbilang-bilang bangsa, budaya dan agama menurut sebagaimana konsep yang asing itu diamalkan oleh negara-negara lain yang jauh dan yang dekat.

Penegasan bahawa Brunei Darussalam bukan negara yang mengamalkan konsep berbilang-bilang bangsa, budaya dan agama tidaklah patut dipandang serong. Ia dibuat dengan berterus-terang sebagai merujuk kepada hakikat sosio-politik yang sepatutnya tidak lagi dilihat dengan pandangan kabur. Kita mahukan pemahaman yang betul dan penerimaan yang wajar oleh semua pihak.

Sesungguhnya kita sedia menginsafi cabaran yang mesti diatasi berikutan pencapaian semula kemerdekaan. Maka kesediaan menerima hakikat sosio-politik yang sudah lama wujud itu adalah sebahagian daripada cabaran tersebut.

BERIKUT ialah sambungan ceramah Pengarah Penerangan, Yang Dimulikan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin yang disampaikan dalam Seminar Konsep Melayu Islam Beraja bagi pegawai-pegawai RTB yang berlangsung pada 19 Januari yang lalu.

NOTA RINGKAS MENGENAI NEGARA MELAYU ISLAM BERAJA



YANG Dimulikan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin ketika menyampaikan ceramah kepada peserta-peserta kursus.

penduduk-penduduk yang terdiri dari orang-orang asing dan orang-orang yang bukan dari keturunan Melayu telah diserukan untuk menyesuaikan diri dengan iklim sosio-politik negara ini. Titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengenai perkara ini boleh dirujuk di mana antaranya bagi orang-orang seperti itu untuk dapat diterima dengan tidak dicurigai oleh rakyat asal maka mereka hendaklah mengamalkan dua ciri terpenting negara ini iaitu bahasa Melayu dan adat-istiadat tempatan. Dua ciri ini adalah unsur yang kuat dalam konsep Melayu Islam Beraja. Kerana itu tidak ada sebab bagi kita meragukan kesungguhan dasar dan kepentingan mengekalkan Brunei ini sebagai sebuah Negara Melayu Islam Beraja di mana rakyat dan penduduk di dalamnya akan terus berkehidupan harmoni menjunjung kedaulatan negara dan

bersama memenuhi azam serta aspirasi nasional sebagaimana yang termaktub dalam Titah P e m a s y h u r a n Kemerdekaan.

5. Amalan dan Sokongan

Dalam sempena Maulud Nabi tidak lama dahulu Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah pernah menyerukan semua pihak di negara ini perlu mengambil langkah positif dan segera mengawal dan memelihara negara dari anasir-anasir yang bertujuan menghalang ke arah pencapaian dan penghayatan sempurna konsep Negara Melayu Islam Beraja.

Buat pertama kali titah Diraja dalam majlis umum mengenai Melayu Islam Beraja telah menggariskan dua perkara: Pertama keperluan mengambil langkah yang positif dan segera untuk mengesahkan konsep Melayu Islam Beraja; kedua keperluan mengawal dan memelihara

negara dari anasir-anasir yang bertujuan menghalang pencapaian dan penghayatan sempurna konsep tersebut. Pada hemat saya titah tersebut lebih dari sekadar seruan, ia dapat disifatkan sebagai satu direktif. Terserahlah kepada banyak pihak untuk mengangap direktif tersebut.

Setakat yang berhubung dengan kita dalam bidang media kerajaan maka direktif sedemikian patut ditanggapi dengan fahaman bahawa media kerajaan akan dipergunakan sebaik-baiknya bagi 'mem-promote' dan mem-propagate' konsep Melayu Islam Beraja dan mengawal diri dari menyalurkan sebarang unsur yang bukan sahaja boleh menghalang bahkan juga melemahkan pencapaian dan penghayatan konsep tersebut. Saya tidak bersedia untuk bercakap lebih terperinci mengenai perkara ini. Bagaimanapun kita sedia

mempunyai garis pandu bahawa sifat, corak, unsur dan pengaruh yang dominan negara kita ini ialah Islam sebagai pegangan kerajaan dan rakyat terbanyak; pemerintahan menurut sistem beraja dengan sultan adalah sebagai ruling monarch; dan beristiadat Melayu (Diraja). Semua yang sudah dominan ini menjadi faktor yang dominan ke atas negara. Maka langkah yang positif dan segera serta kawalan yang dimaksudkan dalam perkara konsep Melayu Islam Beraja adalah dapat difahamkan sebahagianya dengan cara kita yang terlibat dalam media kerajaan akan sentiasa mengambil kira faktor yang dominan itu dengan memahami dan mengamalkan dasar bahawa Brunei bukanlah negara multi-racial, multi-religious dan multi-culture sebagaimana setengah-setengah negara lain baik yang jauh mahupun yang dekat.

RALAT
RUANG ketiga paragraf ketiga Nota Ringkas Mengenai Negara Islam Beraja keluaran minggu lepas muka surat dua terdapat kesilapan. Perenggan itu hendaklah dibaca:
"Keempat — Bahawasannya Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama tahun 1979 telah dibuat di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dengan Baginda Queen dan Pertukaran Nota di antara Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan Kerajaan Baginda yang mana dengan Perjanjian dan pertukaran Nota itu telah dipersetujui bahawa apa jua kuasa, apa jua kewajipan,

Peraduan membaca Al-Quran di Belait

KUALA BELAIT. — Penyeruan kini sedang dibuka bagi Peraduan Membaca Al-Quran bagi orang-orang dewasa di Daerah Belait. Peraduan tersebut akan diadakan dalam bulan Mac di Sekolah Rendah Kerajaan Lumut.

Borang-borang masuk boleh diperolehi dari Jabatan Hal Ehwal Agama atau dari Imam-Imam Masjid di daerah berkenaan. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 14 Februari, 1985.

SIRI 1

BRUNEI TUA



sepintas lalu
BRUNEI
DARUSSALAM
sebelum merdeka

SUSUNAN OLEH:
PG. HJ. MUHAMMAD B. PG HJ. ABD. RAHMAN

PENDAHULUAN

MEMPERKATAKAN tentang BRUNEI SEBELUM MERDEKA tidak seharusnya terbatas kepada peninjauan perkembangan yang berlaku di Brunei di masa kebelakangan ini, malah ia membawa maksud supaya disorot atau disingkap sejarah awal sejak kemunculannya hingga kini, walaupun hanya sepintas lalu.

Dengan pencapaian Kemerdekaan Brunei yang baru berlangsung setahun jagung ini, telah menarik perhatian dan pandangan setengah orang ke negara kecil yang terletak di tengah-tengah nusantara ini. Setengahnya beranggapan bahawa Brunei adalah sebuah negara yang baru lahir ke dunia, yang baru merasakan asam garam hidup, yang sebelumnya tidak dikenal oleh sesiapa.

Adakah ini benar?

Maka di sini saya akan cuba mengetengahkan beberapa keterangan yang ada hubungannya dengan persejajaran untuk membuktikan bahawa walaupun pada akhirnya Brunei baru memperoleh kemerdekaan penuhnya, tetapi pada hakikatnya ia adalah sebuah negara yang telah lama muncul, mungkin lebih tua dari setengah-setengah negara jirannya, malah pada suatu masa dulu pernah memainkan peranan penting di beberapa bahagian rantau ini sebagai sebuah empayar meskipun mungkin tidak sebesar dan segagah empayar Majapahit dan Melaka.

SUMBER GREEK

Dalam dua abad pertama Masihi, perdagangan di sepanjang jalan laut di Asia pada umumnya berkembang maju, dengan itu juga pengetahuan tentang Ilmu Alam semakin bertambah. Dalam tahun 1980 Masihi seorang pakar Ilmu Alam bangsa Greek bernama Ptolemy yang tinggal di Iskandariah telah membuat sebuah buku Atlas dunia yang mengandungi tempat-tempat yang diketahui orang pada masa itu. Di dalamnya ada termuat buat pertama kalinya tentang Asia Tenggara. Petanya menunjukkan beberapa buah pelabuhan di sepanjang pantai tanah besar dan pulau-pulau di Asia Tenggara. Semenanjung Tanah Melayu yang dilukisnya dengan tepat dinamainya Semenanjung Emas. Nama ini adalah sama dengan Suvarva-dvipa dalam Ramayana. Ia juga menyebut nama sebuah tempat lain dalam Asia Tenggara "Labadio" atau "Pulau Barli" iaitu nama yang serupa dengan nama Sanskrit Yava-dvipa. Nama ini dianggap sebagai dimaksudkan untuk pulau Sumatra — Jawa. Tetapi pengkajian dalam masa akhir-akhir ini menyamakannya dengan Borneo di mana letaknya Brunei (lihat Haji Yahya Haji Ibrahim, "Semenjak Kemasukan Islam Kerajaan Brunei", Majalah JHEU, Brunei, Bil: 24, h. 28).

Tidak mungkin dapat dikenali dengan tepat semua nama-nama yang disebut oleh Ptolemy, tetapi petanya menunjukkan bahawa ia mempunyai maklumat penuh tentang Asia Tenggara, dan maklumat ini mesti didapatinya secara langsung atau tidak langsung dari pedagang-pedagang India yang ramai berdagang di kawasan ini (lihat Brian Harrison, Asia Tenggara, Kuala Lumpur: Percetakan Khee Meng, 1966, h. 13).

SUMBER CHINA

Berdasarkan riwayat China bahawa orang-orang China yang berulang-alik ke alam Melayu pernah singgah di tempat yang bernama Poni atau Poli (lihat Brunei Annual Report, 19846, Makrofilem No. A 111, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, Bahagian Penyelidikan, h. 2). Pada tahun 518, 523 dan 616 raja Poni telah menghantar utfi kepada Maharaja China (nama Poni atau Poli yang disebut dalam riwayat China sebagai satu tempat yang berlatar belakangkan bukit itu mungkin juga "Punyt" atau "Pungit" yang terletak di pantai Jerudong. Di Daerah Temburong ada sebuah kampung bernama Kampong "Poni" terletak di tepi sungai Pendaruan. Mungkinkah di sini pernah dibangunkan Kerajaan Brunei Tua dahulu?).

Hal ini diperjelaskan lagi oleh satu riwayat China yang lain dalam zaman Dinasti Sung (976 — 997) iaitu pada tahun Masihi 977, Raja Poni telah menghantar utusan ke negeri China yang diketuai oleh Po-ya-li membawa bersamanya persembahan berupa 100 kulit kura-kura, kapur barus, lima keping gaharu, tiga dulang cendana, kayu raksamala dan enam batang gading gajah. Utusan itu juga membawa sepucuk surat dari Raja Brunei (Poni) yang kandungannya mendoakan lanjut usia Raja China dan memohon perlindungan bagi Brunei (lihat W.P. Groeneveldt, Note On The Malay Archipelago And Malacca Compiled From Chinese Sources, h. 110).

Oleh kerana hubungan Brunei dan China telah terputus sejak kurun keenam Masihi itu maka menyebabkan orang-orang China menyangka bahawa utusan dari Brunei pada tahun 977 Masihi iaitu yang mula-mula sekali datang ke negeri China. Padahal sebelum itu beberapa hubungan telah dibuat.

Tulisan sejarah Dinasti Sung itu seterusnya menyebutkan bahawa kalau mengikut tiupan angin perjalanan dari Brunei ke Jawa itu akan memakan masa selama 45 hari, ke Pelimbang 40 hari, ke Champa 30 hari. Tulisan itu juga menerangkan bahawa Brunei pada masa itu didiami oleh sepuluh ribu orang, katanya dibuat daripada papan, istana raja beratap daun, manakala rumah kediaman penduduk dibuat dari rumput. Negeri-negeri di bawah pemerintahannya sebanyak 14 buah dan tiap-tiap negeri kecil itu mempunyai rumah sebanyak 2,500 pintu.

Mengetahui kedudukan seumpama jarak lama perjalanan dari Brunei ke tempat-tempat lain, dan bentuk binaan di Brunei masa itu menunjukkan Brunei tidak asing kepada orang-orang China.

Dalam masa pemerintahan Maharaja Huang Wu (1389 — 1402) Masihi, Maharaja itu telah merekodkan dalam tahun 1289 Masihi demikian: "Dalam masa permulaan pemerintahan kami, berbagai bangsa telah membuat perhubungan dengan China. Utusan mereka tak pernah putus dan para pedagang merasa amat gembira sekali. Bangsa-bangsa itu adalah seperti Annam, Champa, Kemboja, Sia, Jawa, Rioku, Si Bijaya, Brunei, Pahang." (lihat Haji Yahya Haji Ibrahim, h. 28).

Dalam bulan Oktober 1403, Maharaja China telah menghantar dutanya ke Brunei dan dalam tahun

1408 Maharaja China pula telah menyambut rombongan dari Brunei lalu dihadihkan sebuah batu bertulis Diraja China yang bernama "Gunung Negara" kerana menghormati kedatangan Raja Brunei yang ikut sama dalam rombongan itu bersama-sama dengan puteranya. Raja Brunei itu kemudian telah mangkat di Nan-king dan digantikan oleh puteranya tadi. Dalam sejarah China juga ada menyebutkan hanya ada tiga buah negara yang pernah dihadihkan batu "Gunung Negara" itu iaitu Jepun pada tahun 1406, Brunei pada tahun 1408 dan Cochinchina pada tahun 1416 di samping negeri Melaka (lihat Ibid).

Satu lagi kenyataan yang agak jelas ialah kenyataan yang dikeluarkan oleh pemerintah Republik Rakyat China pada tahun 1958 tentang penemuan sebuah nisan seorang raja dari Indonesia (Kalimantan). Mengenai penemuan itu diakui oleh Hamka dengan katanya: "Memang bertemu dalam sejarah Brunei sendiri bahawa dalam tahun 1404 utusan Kaisar Tiongkok yang bernama Cheng Ho yang terkenal dan memeluk agama Islam telah membawa Raja Brunei menghadap Seri Maharaja Tiongkok, tetapi sayang sekali baginda itu mangkat di Tiongkok." (lihat Hamka, Sejarah Umat Islam, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1980 h. 428 — 429).

Keterangan mengenai kemangkatan Raja Poni ini dijelaskan lagi oleh Groeneveldt: Bahawa pada tahun 1408 Raja Poni yang pergi ke negeri China dan diiringkan oleh keluarganya itu telah mangkat di sana. Setelah peristiwa tersebut diketahui oleh Raja China baginda merasa amat dukacita dan berakung selama 3 hari. Raja Poni itu telah dimakamkan di luar pintu Ah Teck Goh dan di sebelah bukit bernama Che Tza. Satu batu telah diletakkan di atas kubur baginda itu bagi menandakan makam Raja Poni. Berhampiran dengan makam itu juga dibina kubah khas bagi kemudahan anak cucu baginda menziarahinya di kemudian hari.

Raja China telah menasihatkan putera Brunei yang mangkat itu bernama Hsia Wang supaya bersabar dan tidak terlalu berdukacita. Raja China juga menghadihkan berbagai hadiah termasuk kain sutera kepada

keluarga Raja Brunei yang malang itu untuk menghiburkan mereka. Sebagai memenuhi wasiat baginda, maka Hsia Wang telah diangkat bagi menggantikannya. Ada ahli sejarah yang mengatakan Hsia Wang bukan putera baginda tetapi adik baginda yang juga dikenal sebagai Pateh Berbai. Sebelum Raja Poni yang baharu itu balik, baginda telah meminta kepada Maharaja China supaya Brunei tidak lagi perlu menghantar utfi ke negeri China. Permintaan itu dibenarkan, tetapi Raja Poni dikehendaki datang tiap-tiap tiga tahun sekali.

Seorang bangsa Sweden yang menyokong keterangan ini bernama Eric Mjoberg siapa yang pernah memimpin Museum Sarawak dari tahun 1919 sampai ke tahun 1926 mengatakan bahawa lama sebelum perutusan Raja Brunei ke Tiongkok dan tahun 1404 Raja Brunei telah pun menghadap Maharaja China dalam abad yang ke-10 iaitu 977 Masihi. Menurut Eric Mjoberg nama Sultan Brunei itu ialah Abu Ali baginda ke Tiongkok diiringkan oleh dua orang wazirnya bangsa Arab, mungkin juga Raja Brunei yang mangkat 1404 itu keturunan dari Sultan Abu Ali (lihat Ibid).

SUMBER FILIPINA

Wujudnya Brunei Tua ini juga disebut dalam sejarah Filipina (lihat Gregorio F. Zaide, Sejarah Politik dan Kebudayaan Filipina, Jilid 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1978, h. 33 — 35), iaitu cerita mengenai pembelian Pulau Panay oleh sepuluh orang datu dari Brunei.

Pada masa gugusan pulau-pulau Melayu di bawah perintah Empayar Melayu Hindu Seri Wijaya, sepuluh orang datu dari Borneo (Brunei) telah lari meninggalkan Borneo bersama keluarga, hulubalang dan hamba mereka untuk melepaskan diri dari kezaliman Sultan Makatunaw, raja pulau itu. Mereka itu ialah Datu Puti (menteri sultan itu yang menjadi ketua angkatan), Datu Bangkaya, Datu Dumangsul, Datu Paiburung, Datu Sumakwil, Datu Paduhinong, Datu Lubai, Datu Dumangsil, Datu Dumatungdong dan Datu Balkasusa. Di antara orang perempuan yang terkenal dalam angkatan itu ialah: Pinangpangan, isteri Datu Puti,

Keturong, isteri Datu Bangkaya, Pabulana, isteri Datu Paiburung, Kapinangan, isteri Datu Sumakwil, Ribungsapau, isteri Datu Paduhinong dan Kabiling, isteri Datu Dumangsil.

Selepas belayar beberapa hari menuju ke utara, datu-datu dari Brunei itu sampai ke pulau Panay dan mendarat dekat dengan bandar yang sekarang ini dikenali sebagai San Joaquin. Tarikh ketibaan mereka adalah dikatakan kira-kira pada pertengahan abad yang ke-13. Pada masa itu pulau Panay didiami oleh orang Ati (Negrito) di bawah pemerintahan King Marikudo dan Queen Maniwangtiwan. Datu Puti dan King Marikudo bertemu di sebuah kampung orang Negrito bernama Sinungbuan yang terletak di tebing sungai Andona, dan di situlah mereka merundingkan penjualan tanah pamah itu. Dengan persetujuan rakyatnya Marikudo bersetuju menjualnya. Harga pembelian itu terdiri daripada Saduk emas (topi yang lebar tepinya) untuk King Marikudo dan seutas rantai leher emas yang panjang untuk Queen Maniwangtiwan.

Selain itu, datu-datu dari Borneo itu juga memberi berbagai hadiah kepada orang-orang Ati itu termasuklah sebilah keris kepada King Marikudo dan beberapa utas rantai leher yang diperbuat daripada manik kepada orang-orang perempuan Ati itu. Untuk memeterikan perjanjian penjualan itu, kedua-dua pihak orang Borneo dan Ati bersama-sama makan dan minum, bersuka ria dengan menunjukkan tarian dan menyanyikan nyanyian masing-masing. Selepas jamuan itu King Marikudo dan orang-orangnya berundur ke kawasan pergunungan, meninggalkan orang-orang Borneo berkuasa penuh di kawasan tanah pamah itu.

Tujuh orang datu tinggal di Panay, sementara yang tiga orang lagi: Datu Puti, Dumangsul dan Balkasusa meneruskan pelayaran mereka ke utara sampai ke tasik Taal di Luzon. Oleh kerana tertarik hati dengan tanah yang subur dan pemandangan yang indah di kawasan itu, Datu Dumangsul dan Balkasusa pun tinggal menetap di situ. Datu Puti pula kembali ke Borneo seorang diri

Lihat muka 7



PEMANDANGAN Negara Brunei Darussalam dalam kurun ke-19.

PARA WADAR DISERU AMALKAN SIFAT TERPUJI

JERUDONG. — Para pelatih wadar dan pegawai-pegawai diharapkan akan dapat mengekalkan sifat tekun, taat dan berdisiplin serta mengamalkan sifat-sifat yang terpuji terutamanya semasa berkhidmat.

Sifat-sifat yang terpuji ini jika disertai dengan kejujuran, kerelaan dan kesetiaan dalam menjalankan tugas ianya menjadi tunjang bagi kemajuan dan pembangunan Jabatan Penjara khususnya dan Negara Brunei Darussalam amnya.

Demikian telah dihasratkan oleh Awang Abd. Wahab bin Haji Mohd. Said, Pengarah Penjara selaku tetamu kehormat di majlis tamat latihan dan penyampaian sijil-sijil skim mencegah kebakaran pada Ahad lepas.

"Dari pengalaman yang lalu, terdapat setengah-tengah pelatih mengamalkan sifat-sifat yang terpuji sepanjang latihan diadakan, akan tetapi hal seumpama ini telah bertukar corak setelah menamatkan latihan di mana sifat-sifat tersebut telah diketepikan apabila saja mereka memulakan tugas dengan melakukan bermacam-macam rupa kesalahan tata-tertib seperti lewat datang berkerja, enggan menurut perintah pegawai atasan, tidur dalam masa bertugas dan bermacam lagi kesalahan yang dilakukan," ujar beliau.

Menurut beliau lagi latihan selama empat bulan itu telah mendedahkan para pelatih dengan beberapa aspek pekerjaan sekitar hal-ehwal penjara dan beberapa aktiviti lawatan serta ceramah adalah bertujuan untuk meluaskan pandangan di samping me-

ningkatkan ilmu pengetahuan para pelatih.

Kedua ini juga tambah beliau lagi adalah menjadi satu hasrat Jabatan Penjara supaya akan mempunyai pegawai-pegawai yang penuh tanggungjawab, berdisiplin, jujur, amanah dan beriman sejajar dengan hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan ini ujar beliau Jabatan Penjara memang sentiasa akan berusaha untuk meneliti setiap pegawai termasuk pegawai rendah yang berpotensi dengan memberi latihan dan galakan kepada mereka untuk mendalami pengetahuan di bidang-bidang tertentu mengenai dengan hal kepenjaraan termasuk penghantaran mereka ke sebarang laut agar seiring dengan konsep pentadbiran penjara pada hari ini.

Konsep pentadbiran penjara pada kurun ke-19 ini adalah konsep layanan terhadap orang-orang banduan yang lebih menekankan hal-hal keperluan manusia, pemuliharaan dan pembentukan semula orang-orang salah.

"Dari itu konsep layanan dewasa ini adalah konsep yang lebih rumit dan kompleks dari konsep yang telah diterapkan di kurun sebelumnya di mana dasar ketika itu lebih menekankan tentang dasar seksaan," katanya.

Amalan terhadap konsep waktu ini adalah amalan yang dipraktikkan oleh dunia antarabangsa termasuk negara Brunei Darussalam di mana undang-undang dan peraturan-peraturan telah pun wujud sejak 1978 lagi, tambah beliau.

Seramai 22 orang pelatih wadar termasuk seorang perempuan telah menamatkan latihan Ahad lepas, dan menerima sijil-sijil mereka di majlis tersebut.

Pelatih-pelatih tersebut adalah bagi pengambilan ketiga dan telah menjalani kursus serta latihan asas kepenjaraan selama empat bulan.

Pelatih terbaik dalam semua jurusan diterima oleh Haji Saini bin Haji Maidin, Bahagian Undang-undang ialah Dayang Rosnani binte Ratu, dalam bahagian kawad terbaik ialah Aji bin Eya, sementara di jurusan menembak pula terbaik ialah Baharin bin Bakri dan di jurusan pakaian kemas dan tata-tertib terbaik ialah Sabtu bin Sahat.

Majlis pada malam itu diselenggarakan dengan upacara penyampaian sijil-sijil skim mencegah kebakaran oleh Pemangku Pengawal Pasukan Bomba Awang Haji Wahabi bin Haji Metusin — JL.

Pegawai Bomba berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Beberapa orang pegawai Bomba kini sedang mengikuti kursus di sebarang laut.

Tiga dari mereka iaitu PSO Mohammad bin Sulaiman, PSO Shahbandi bin Haji Abd Halim dan PSO Sallehuddin bin Ibrahim, masing-masing dari cawangan Balai Bomba Bandar Seri Begawan akan ditempatkan di Sekolah Latihan Perkhidmatan Bomba Hong Kong selama enam bulan bagi mengikuti kursus permulaan Pegawai Balai. Mereka bertolak pada 18 Januari lepas.

Sementara empat Penguasa Bomba yang lain termasuk seorang Penolong Penguasa Bomba juga telah berlepas ke England bagi menjalani kursus selama enam bulan mulai dari 28 Januari depan.

Sepanjang kursus tersebut mereka akan ditempatkan di Eaton Hall, United Kingdom bagi mengikuti kursus kebombaan.

Mereka ialah Penguasa Bomba Haji Ahmad bin Mohd Yusof dari cawangan logistik, Penguasa Bomba Sudin bin Haji Abdul Rahim dari cawangan Bomba Tutong, Penguasa Bomba Hussin bin Haji Md Salleh dari cawangan Bomba Laut dan Penolong Penguasa Bomba Pg Haji Kamaluddin bin PKN Pg Anak Wahab dari cawangan alat pernafasan.



Y.D.M. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz dan rombongan diberikan taklimat oleh akitek yang membina sekolah tersebut.

Sekolah Menengah Serasa tempatkan 1,200 penuntut

MUARA. — Seramai 1,200 orang penuntut dari kampung-kampung sekitar Jalan Muara dan Kota Batu dijangka akan berpeluang menuntut di bangunan baru Sekolah Menengah Serasa di sini.

Sekolah tersebut yang mempunyai 30 buah bilik darjah, sembilan buah bilik khas, sembilan makmal sains, tiga bengkel pertukangan dan tiga bilik urusan rumahtangga akan menempatkan penuntut-penuntut tingkatan satu hingga lima.

Sekolah tersebut juga mem-

punyai satu blok pentadbiran, bilik lukisan, khutubkhanah, kanteen surau, dewan serbaguna, padang permainan, kawasan dan kawasan letak kereta yang memuatkan antara 60 hingga 70 buah kenderaan.

Sekolah Menengah Serasa telah siap dibina dalam bulan Mac tahun lepas sejak projek pembinaan bermula bulan Mac, 1982. Dibina atas keluasan tanah 24 ekar, sekolah tersebut menelan belanja sebanyak 13.12 juta ringgit.

Menteri Pelajaran dan

Kesihatan, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz telah mengadakan lawatan pertama petang Sabtu lepas, setelah bangunan itu diserahkan kepada Jabatan Pelajaran, baru-baru ini.

Yang Dimulikan Pehin, Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apang dan beberapa orang pegawai dari Jabatan Pelajaran telah melawat ke semua blok bangunan termasuk bilik-bilik makmal sains dan makmal bahasa.

Peraturan membuat tawaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kementerian Kewangan menerima Lembaga Tawaran meminta Ketua-ketua Jabatan dan Perunding-Perunding mengambil perhatian kepada beberapa perkara yang perlu diikuti apabila mengeluarkan suatu tawaran atau sebut harga sama ada dalam mahupun luar negeri.

Perhatian mengenai tawaran atau sebut harga, serta sokongan-sokongan dan jadual harga tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran sebanyak sembilan salinan.

Tawaran atau sebut harga hendaklah ditutup pada hari Isnin, jam 12.00 tengah hari, kecuali jika hari itu jatuh pada hari kelepasan awam. Jika ini berlaku, tawaran-tawaran atau sebut harga hendaklah ditutup pada jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin minggu berikutnya.

Penawar-penawar hendaklah diarahkan supaya meletakkan nama masing-masing pada contoh-contoh yang disertakan. Bagi tawaran-tawaran yang melibatkan contoh yang besar, manual atau specification-specification dan sebagainya yang tidak dapat dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, maka ianya hendaklah dihantar kepada Jabatan atau perunding yang membuat pelawaan tawaran berkenaan.

Lembaga Tawaran hanya akan menerima tawaran-tawaran dari Peti Tawaran sahaja, dan tidak akan bertanggungjawab sekiranya tawaran itu diterima di luar Peti Tawaran dan tidak sempat dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sebelum tarikh tutup tawaran.

Penawar-penawar juga hendaklah diarahkan supaya meletakkan nama masing-masing pada contoh-contoh yang disertakan. Bagi tawaran-tawaran yang melibatkan contoh yang besar, manual atau specification-specification dan sebagainya yang tidak dapat dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, maka ianya hendaklah dihantar kepada Jabatan atau perunding yang membuat pelawaan tawaran berkenaan.

Pameran lukisan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pembukaan rasmi Pameran Seni Lukis Penuntut-penuntut Pusat Tingkatan Enam yang diselenggarakan oleh Persatuan Pelukis-pelukis Brunei telah berlangsung di Bangunan 'Bubungan 12' pada Ahad lepas.

Pembukaan rasmi pameran tersebut telah dilakukan oleh Pengarah Pelajaran Awang Haji Abu Bakar bin Haji Apang selaku tetamu kehormat di majlis tersebut.

Terdahulu dari itu ialah ucapan alu-aluan oleh Yang Dipertua Persatuan Pelukis-pelukis Brunei, Awang Mustafa bin Haji Ahmad dan ini diikuti dengan ucapan dari Pengetua Pusat Tingkatan Enam, Awang Omar bin Haji Khalid.

Pameran tersebut dibuka untuk kunjungan orang ramai mulai 20 Januari hingga 3 Februari dan dijual di antara harga \$50.00 ke \$300.00.

Jenis-jenis yang dipamerkan ialah kraf tangan seperti tembikar, lukisan minyak dan batik yang dihasilkan oleh penuntut-penuntut Pusat Tingkatan Enam.

Peluang ikuti Diploma Pertanian

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pertanian mempelawa pemohon-pemohon untuk mengikuti Kursus Diploma Kebangsaan Pertanian Brunei (BNDA) di Pusat Latihan Pertanian Sinaut (PLPS).

Kursus ini ialah kursus sepenuh masa selama dua setengah tahun dan diadakan untuk memenuhi keperluan kakitangan di Jabatan Pertanian atau swasta.

Pemohonan adalah terbuka kepada warganegara Brunei Darussalam yang berumur tidak kurang dari 17 tahun, lelaki dan perempuan, mempunyai kematangan fikiran dan kesihatan yang baik.

Mereka hendaklah mempunyai kelulusan minima tiga kepujian mata pelajaran Sains GCE Peringkat 'O' dan sama ada Ilmu Hisab atau Bahasa Inggeris, atau tiga kepujian GCE Peringkat 'O' termasuk sekurang-kurangnya satu

mata pelajaran Sains dan kepujian dalam mata pelajaran Sains dalam SRPB, atau kelulusan yang lain yang sebanding dengan kelulusan-kelulusan yang disebutkan tadi.

Pelawaan juga dibuat bagi lepasan Pusat Latihan Pertanian Sinaut yang mempunyai Sijil Juruteknik PLPS dengan mendapat kepujian 70% ke atas.

Tempat tinggal, makan dan baju seragam latihan amali adalah diberikan percuma dan penuntut-penuntut adalah dikehendaki mengikuti peraturan Pusat Latihan Pertanian Sinaut yang ada sekarang dan dikehendaki menandatangani satu surat perjanjian.

Borang-borang permohonan untuk mengikuti kursus itu boleh didapati dari Pengawas Daerah Pejabat Pertanian Daerah Brunei-Muara, Tutong, Belait dan Temburong mulai hari ini, 30 Januari. Permohonan akan ditutup pada 16 April, 1985.

Pesuruhjaya Polis lawat Thailand

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pesuruhjaya Polis, Negara Brunei Darussalam, Y.A.M. Pengirag Putera Negara Pengiran Omar bin Pengiran Dato Penghulu Pg. Haji Apang beserta dengan 6 orang Pegawai Kanan Polis kini sedang berada di Negeri Thai mengadakan kunjungan ke Pasukan Polis Diraja Thai.

Di sana mereka akan mengadakan lawatan muhibah sambil memerhati selama kira-kira seminggu.

LENGKAPKAN DIRI JKA HENDAK JADI PEMIMPIN

UALA BELAIT. — Belia-hendaklah lebih dahulu menjadi pemimpin kepada diri sendiri, lebih dahulu melengkapi diri dengan asas-asas yang teguh jika mereka hendak menjadi pemimpin yang sungguh-sungguh.

Timbalan Pengarah Kebajikan, Belia dan Sukan, Ustaz Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud berkata, asas-asas kepimpinan yang teguh boleh diperolehi melalui penghayatan ayat-ayat Al-Quran dan hadis yang menunjukkan dengan jelas akan nyata pentingnya peranan belia dalam Islam, melalui pengajian dan penyertaan kursus-kursus.

Allah, jelasnya, meletakkan taraf belia sebagai golongan manusia yang penting, mempunyai kedudukan yang istimewa, yang mana menurut pandangan Islam, adalah dengan sendirinya merupakan sebahagian daripada pemimpin, sama ada pemimpin agama, bangsa atau negara.

Dalam hubungan ini, Ustaz Haji Abdul Mokti telah menguraikan maksud firman Allah mengenai belia-

Oleh: Aisah Pise

belia yang beriman kepada Allah dan hadis Nabi yang mengingati kita untuk menggunakan sebaik-sebaiknya lima masa, iaitu masa hidup sebelum mati, sihat sebelum sakit, lapang sebelum sibuk, muda sebelum tua dan kaya sebelum miskin.

Berucap merasmikan Kursus Pengkhususan Dalam Pentadbiran dan Pengurusan Persatuan bagi persatuan-persatuan belia Daerah Belait di Dewan Kemasyarakatan di sini petang Jumaat, 25 Januari lalu, Ustaz Awang Haji Abdul Mokti seterusnya berharap supaya kursus itu dan ceramah konsep Melayu Islam Beraja akan memberi pengetahuan yang luas bagi para peserta dan pemimpin belia.

Menyentuh mengenai tujuan kursus itu, Awang Ismail bin Apeng, Pegawai Kanan Belia dan Sukan menjelaskan bahawa ianya adalah untuk menyampaikan pengetahuan kepada para pemimpin belia dalam bidang pentadbiran dan pengurusan persatuan dan bagi meninggikan lagi khidmat dan rasa tanggung-

jawab mereka terhadap persatuan masing-masing.

Dalam keseluruhan empat siri kursus yang dikendalikan itu, sebanyak tujuh ceramah diadakan iaitu mengenai dasar-dasar kepimpinan, tugas-tugas pemegang jawatan, peraturan mesyuarat, minit mesyuarat dan teknik penulisan, bahagian kewangan, menyusun rancangan dan struktur organisasi Pertubuhan Belia, di samping ceramah konsep Negara Melayu Islam Beraja.

Kira-kira 200 orang peserta menghadiri kursus tersebut. Siri pertama berjalan selama tiga hari dan dihadiri oleh Persatuan Belia Sungai Teraban PESTA dan Persatuan Iban Brunei PIB cawangan Belait. Siri kedua akan dilangsungkan pada 9 dan 10 Februari depan bagi Persatuan Belia Belait PEMBELA, Persatuan Ikatan Belia Pandan IBP dan Persatuan Kebajikan Perempuan Belait PKPB.

Kursus tersebut dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan cawangan Belait.



PEGAWAI Penerangan, Awang Haji Sulaiman bin Haji Abd. Wahab (No. 5 dari kanan) ketika memberikan ceramah mengenai Konsep Melayu Islam Beraja, sementara gambar bawah kelihatan sebahagian dari peserta kursus.



BRUNEI TUA — Sambungan dari muka 3

menceritakan hal pengembaraan yang menarik itu kepada orang-orang di negeri Borneo (Brunei).

Keterangan ini mengingatkan kepada bangsa Brunei yang sudah dikenali oleh China sejak abad yang ke-6 dan ke-10 itu adalah satu bangsa yang aktif dan berani menjelajah. Jika mereka boleh sampai ke negeri China tidak ada sebab mengapa tidak boleh sampai ke kawasan yang lebih hampir seperti pulau Panay dan Luzon di Filipina itu. Tidak dapat dipastikan sama ada sultan Makatunaw dan atau datu yang sepuluh orang itu sudah menganut Islam atau sebaliknya. Berdasarkan nama-nama yang direkodkan itu belum pun menunjukkan ciri-ciri nama Islam.

SUMBER SERI WIJAYA

Mengenal dengan Empayar Seri Wijaya ini dan hubungannya dengan negeri-negeri di Alam Melayu, empayar ini muncul setelah runtuhnya kerajaan Pallava, kemudian berjaya menguasai gugusan kepulauan Melayu dari abad kelapan hinggalah ke tahun Masihi 1377. Empayar yang didirikan oleh orang-orang Melayu di Indonesia ini adalah pada hakikatnya dikuasai oleh orang-orang Melayu tapi memakai kebudayaan Hindu dan menganut agama Buddha. Empayar ini diberi nama demikian mengikut nama ibu negerinya iaitu Seri Wijaya di Sumatra.

Dalam masa kemuncak kekuasaannya di bawah perintah Seri Indera, empayar ini termasuklah Tanah Melayu, Ceylon, Borneo, Sulawesi, Pulau-pulau Filipina, sebahagian dari

pulau Formosa dan mungkin juga Kemboja dan Champa.

Dua pusat utama pengaruh Seri Wijaya di Filipina ialah pulau Sulu dan Visaya. Kedua-duanya telah dijajah oleh orang-orang dari Borneo, sebuah negeri ufti kerajaan Seri Wijaya. Penjajah dari Banjar Masin dan Brunei bermastautin di Sulu, di samping itu puteri-puteri mereka berkahwin dengan kerabat Diraja Sulu.

Pada abad ke-13 pengaruh Seri Wijaya ke atas negeri-negeri Tanah Melayu mulai lemah disebabkan munculnya satu lagi negeri Kelindian di pulau Jawa yang dikenal sebagai Empayar Majapahit. Keruntuhan sama sekali empayar Seri Wijaya adalah akibat daripada serangan tentera Majapahit yang berlaku pada tahun 1377.

SUMBER MAJAPAHIT

Mula-mula kerajaan Majapahit telah didirikan sebagai sebuah kerajaan yang kecil di pulau Jawa pada tahun 1293 oleh Radin Wijaya penakluk Melayu yang termasyhur dan telah mengusir keluar tentera China yang dihantar oleh Kublai Khan untuk menawan pulau itu. Seperti Empayar Seri Wijaya, ia juga dikuasai oleh orang-orang Melayu dan mempunyai kebudayaan Hindu, cuma bezanya menganut agama Brahman.

Dari ibu negerinya di Majapahit, Jawa, empayar yang baharu muncul ini meluaskan pemerintahannya ke atas bekas tanah jajahan Seri Wijaya dan lain-lain negeri seperti Formosa,

Siam, Kemboja, Indo-China, Burma Selatan dan New Guinea (lihat Gregoria F. Zaide, h. 51 — 52).

Dalam syair karangan Parapance yang dikarangnya pada tahun 1365 bernama "Negarakertagama" ada disebutkan bahawa Brunei adalah daerah naungan Majapahit yang ke-23. Dan hasil dari naungan ini banyaklah kesan-kesan peninggalan Hindu yang dipakai di Brunei terutama di kalangan istana raja-raja Brunei (lihat Haji Yahya Haji Ibrahim, h. 28). Perhatian nama Brunei disebut sebagai "Bruneng" dalam syair tersebut: "Kadang dengan I landa len ri samedang Tirem tan Kasah ri sedu Buruneng ri Kalka Saludang ri Solot Pasir. Batitwsi sawaku muwah ri Tabalung ri Tanjung Kute. Lawan ri Malano inakapaka muka ta (ng) ri Tanjungpuri." (lihat Yura Halim dan Jamil Omar, Sejarah Brunei, 1985, h. 13).

BAHASA SANSKRIT

Satu lagi bukti nyata bahawa Brunei Tua telah lama wujud ialah berdasarkan adanya bahasa Sanskrit yang selalu digunakan ketika menjalankan istiadat pengurniaan gelaran kepada rakyat yang berjasa atau pembesar-pembesar oleh raja-raja Brunei sejak zaman berzaman. Ini dapat diperhatikan dari 'terasul ciri' dan pada sebahagian besar nama gelaran yang dikurniakan kepada pembesar-pembesar itu. Sebagai misal di bawah ini diturunkan contoh 'terasul ciri' yang digunakan ketika menggelar Pengiran Hashim bin Pengiran Kerma Indera menjadi

Pengiran Kesuma Negara. Terasul ciri ini tersusun dalam tiga bahasa iaitu Bahasa Arab, Sanskrit dan Melayu, mungkin asalnya bahasa Sanskrit dan Melayu sahaja, kemudian setelah Islam masuk ke Brunei, ditambah pula dengan doa dalam Bahasa Arab. Terasul ciri itu sebagaimana berikut:

Al-Hamdu Lillahi Rabbi al-Alamin wal-Salatu wal-Sallam Ala Syedina Muhammadin Wa Ala Alihi Wa Sahbihi al-Kirami Fa Raddallahu Khairaha Wa Atallahu Umaraha Wa Kammala Izzataha Wa dama Hayataha Yuktiallahu Daulatan Fid Dunia Illal-Akhirati Li Annakum Rajulun Akulun Min Kulli Ra'iyatin wal-Waziru al-Adilu wal-Ihsanu Wa-Nawwra Qalbahu Bi Nur al-Makrifah wal-Imani Wal-Islami Bi Taufiqillah.

Ahuta Sarmata Seri Buhana Si Cakap Perkasa Persang Si jaya Perbuhana Aw Bajana Madanan Dakcubala Perkerma Seri Buhana Karta Maskalang Ku Permala malai. Ratna Mahkota Ayuta Singgahsana Si Dewa-dewa Perbu. Bahawa Pengiran Hashim dianugerahi perinama Pengiran Kesuma Negara Ayuta Si Dewa-dewa Peri Meneguhkan Setia Bakti Kebawah Duli Paduka Seri Sultan al-Adil al-Muazzam Di Negeri Brunei Dar al-Salam Daulatan Qaimatan Ma Damat Bi Rabbi al-Alamin. Amin. Wa Zalika Fi sanah 1272 (H). (Lihat Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr) Haji Mohd Jamil al-Sufri, "Adat Istiadat Brunei," Ikhtisar Budaya, Brunei: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973, h. 12 — 13).

Banyak nama-nama gelaran yang dikurniakan kepada pembesar-pembesar Brunei yang diambil dari Bahasa Sanskrit seperti Pengiran Kesuma Negara, Pengiran Indera Mahkota, Pengiran Indera Negara, Pehin Seri Rama dan lain-lain lagi. Bahkan nama "Brunei" itu sendiri diambil dari bahasa Sanskrit "Varunai" yang bererti "Turunan Laut" atau "Kelahiran Laut". Ini mungkin kerana kedudukan Brunei dan letak laut negerinya yang berhadapan dengan Laut China Selatan, tam-bahan pula sumber pencarian orang-orang Brunei pada masa itu ialah di laut sebagai nelayan, atau mungkin juga bermaksud bagi menunjukkan kegagahan orang-orang Brunei dalam menguasai laut.

KESIMPULAN

